

CNS7198

R GR 22-05 00175 RR092

hah

Mahathir - Kebersihan

KUCHING, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat perlu menjadikan kebersihan amalan hidup harian untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang cantik dan bersih.

Beliau menegaskan kerajaan tidak teragak-agak membelanjakan sebanyak \$45 juta setiap tahun untuk mengindahkan taman-taman dalam usaha membersihkan serta mencantikkan ibu negara Kuala Lumpur kerana ia merupakan satu pelaburan yang memberf banyak faedah termasuk daripada segi ekonomi dan kesihatan.

Sehubungan itu, mereka harus menjaga kebersihan alam persekitaran dan sekeliling mereka untuk menjadikan negara taman yang indah dan selesa, kata Datuk Seri Dr Mahathir pada majlis penganugerahan kunci kehehasan Bandaraya Kuching kepada beliau di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata rakyat mestilah berganding bahu dengan kerajaan untuk memastikan tempat mereka sama ada di bandar mahupun di luar bandar menjadi kawasan yang bersih dan cantik.

Beliau tidak mahu rakyat di negara ini hidup dalam timbunan sampah dan persekitaran yang kotor akibat tidak ada kesedaran terhadap kebersihan diri dan alam persekitaran mereka. -- Lagi

♥22/05/23-40MST

CNS7199

R GR 22-05 00147 RR093

hah

Mahathir - Kebersihan 2 Kuching

Perdana Menteri menyifatkan penganugerahan itu sebagai sesuatu yang bermakna. +Amalan ini juga, yang merupakan tradisi yang baik, patut dikekalkan, + kata beliau.

Sebelum itu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir -- penerima pertama kunci tersebut -- sebagai jaguh Malaysia yang telah berjaya mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa menerusi kepimpinan yang berwibawa dan dinamik.

+Sejak menerajui Malaysia 10 tahun lalu, Perdana Menteri telah memimpin negara ke arah kemajuan yang pesat serta kestabilan yang berterusan selain pertumbuhan ekonomi yang mencecah dua angka, + tambah beliau.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali, Datuk Bandaraya Kuching Selatan, Encik Song Swee Guan dan Datuk Bandaraya Kuching Utara, Dr Yusof Haji Hanifah ialah antara 400 tetamu yang turut hadir di majlis tersebut. -- Bernama

♥22/05/23-43MST